



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2026
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

15 JANUARI 2026 (KHAMIS)

**CYBERJAYA EVENT HALL
CYBERJAYA**

Terima Kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis.

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI

1. Yang Berhormat Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh
Timbalan Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam
2. Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam
3. Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati binti Awang
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)
4. Yang Berbahagia Datuk Mas Rizal Bin Mohd Hilmi
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
5. Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Azman Bin Haji Mohd Ariffin
Setiausaha Bahagian (Kanan)
6. Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi
7. Pegawai-pegawai Kanan
8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

PENDAHULUAN

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Terima kasih atas kehadiran saudara dan saudari sekalian. Himpunan kita pada hari ini bukan sekadar ritual tahunan, tetapi merupakan manifestasi tekad kita untuk memugar semangat baharu bagi menempuh tahun 2026 dengan iltizam yang lebih kental. Jika tahun-tahun sebelum ini adalah fasa perancangan, saya menegaskan bahawa tahun 2026 adalah Tahun Pelaksanaan dan Pecutan.
2. Justeru, saya menyeru agar kita semua melakukan anjakan paradigma. Tinggalkan kepompong keselesaan dan amalkanlah pemikiran yang terbuka, kreatif, serta berwawasan. Dengan visi yang jelas dan tindakan yang pragmatik, saya yakin kita mampu melakar masa depan yang lebih makmur dan lestari buat kita semua.

INTIPATI AMANAT YAB PERDANA MENTERI

3. Mengimbas Amanat Tahun Baharu oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 5 Januari lalu, meskipun ekonomi kita semakin mengukuh dan nilai Ringgit kian stabil, beliau mengingatkan agar kita tidak sesekali leka. Bagi tahun 2026, YAB PM telah menetapkan tema "Tahun Pelaksanaan dan Keberhasilan" – di mana rakyat mahu melihat hasil nyata daripada setiap dasar yang telah kita lakarkan.

4. Sebagai warga NRES, kita adalah benteng hadapan dalam menterjemahkan hasrat Malaysia MADANI melalui tiga fokus utama:
 - i. Ketegasan Tatakelola: Memastikan sifar ketirisan dalam pengurusan sumber asli.
 - ii. Ekonomi Hijau: Memacu Malaysia sebagai hab pelaburan hijau dan peneraju peralihan tenaga.
 - iii. Kesejahteraan Rakyat: Menangani kesan perubahan iklim yang menghimpit rakyat.

5. Sehubungan itu, YAB Perdana Menteri turut menekankan dua anjakan besar bagi penjawat awam tahun ini:
 - i. Pertama: Transformasi Digital dan AI. Kita dituntut memanfaatkan Kecerdasan Buatan (AI) untuk melonjakkan produktiviti dan kecekapan kerja. Urusan jabatan kini dimandatkan secara dalam talian (online) sepenuhnya bagi memudahkan urusan rakyat.
 - ii. Kedua: Pemerksaan Pegawai Muda. Ruang kepimpinan perlu diperluas kepada pegawai muda untuk mendapatkan pendedahan di semua peringkat demi kelangsungan kepimpinan masa depan.

6. Tegas beliau, jangan lagi menjadi sekadar 'pak turut' kepada sistem lama. Gunakan teknologi, perkukuh integriti, dan sentiasa amalkan nilai ihsan dalam setiap khidmat kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Pada tahun 2025, Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam telah memacu agenda kelestarian negara melalui tindakan strategik dan berimpak tinggi melalui 2 inisiatif strategik iaitu memperkasa tadbir urus dan ekosistem lestari serta melindungi khazanah negara dan kesejahteraan rakyat.
8. Izinkan saya untuk membuat refleksi beberapa pencapaian utama NRES sepanjang tahun 2025.

Memperkasa Tadbir Urus Dan Ekosistem Lestari

9. Tahun lalu, kita telah memperkembangkan benteng perundangan pengurusan alam sekitar kita. Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2004 yang wartakan pada 6 Jun 2024 dan berkuatkuasa pada 7 Julai 2024 dibuat untuk memperkasakan perundangan sedia ada. Secara spesifik, pindaan ini merangkumi perkara-perkara berkaitan, pemantapan hukuman penalti dengan julat kadar denda minimum tidak kurang daripada RM5,000 dan denda maksimum tidak melebihi RM10 juta. Selain itu kadar kompaun daripada tidak melebihi RM2,000 dinaikkan kepada tidak melebihi 50% daripada denda maksimum kesalahan berkaitan.

10. Denda maksimum RM10 juta pula boleh dikenakan kepada penjenayah alam sekitar bagi kesalahan yang melibatkan pencemaran air, pencemaran buangan minyak serta buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual. Manakala hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima (5) tahun ke atas kesalahan melibatkan pelupusan haram buangan terjadual, engkar perintah larangan dan ketidakpatuhan keperluan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA).

11. Kita juga telah memperluaskan kawasan perlindungan dan pemulihan ekosistem. Komitmen terhadap pemuliharaan dibuktikan dengan kejayaan awal Program 100 Juta Pokok, pewartaan kawasan perlindungan baharu dan peningkatan dana Ecological Fiscal Transfer (EFT) kepada Kerajaan Negeri. Sasaran penanaman 100 juta pokok yang telah dicapai setahun lebih awal, lebih 350,000 hektar kawasan perlindungan baharu diwartakan dan peruntukan EFT juga telah ditingkatkan kepada RM250 juta.

12. Kementerian turut memacu peralihan kepada ekonomi hijau dengan giat membangunkan instrumen ekonomi hijau seperti cukai karbon dan ekonomi sirkular, sambil meneruskan sokongan pembiayaan melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS). Sebanyak 9 projek hijau berjumlah RM167.9 juta telah mendapat kelulusan pembiayaan di bawah GTFS 4.0 dan seterusnya GTFS 5.0 diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM1 billion sehingga 2026.

Melindungi Khazanah Negara Dan Kesejahteraan Rakyat

Hadirin sekalian,

13. Kerajaan MADANI menunjukkan komitmen padu terhadap pemuliharaan Harimau Malaya dengan peningkatan peruntukan yang signifikan bagi membolehkan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pemburuan dan perdagangan haram. Pada tahun 2025, kita telah berjaya menumpaskan 1,352 kegiatan pemburuan dengan tangkapan seramai 905 warganegara Malaysia dan 294 warganegara asing melibatkan sitaan berjumlah RM413 juta.
14. Pada tahun 2025, Kementerian turut memperkasa komuniti sebagai rakan konservasi. Program Renjer Komuniti berjaya dilaksanakan di seluruh negara, mewujudkan peluang pekerjaan dan memperkasakan komuniti tempatan sebagai barisan hadapan dalam menangani konflik manusia - hidupan liar. Pada tahun 2024, seramai 2,000 renjer komuniti telah dilantik di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak RM60 juta, manakala pada tahun 2025 seramai 2,500 renjer komuniti telah dilantik melibatkan peruntukan sebanyak RM80 juta.
15. Tahun 2025 turut menyaksikan kejayaan Kementerian di dalam menangani konflik manusia-hidupan liar secara berkesan. Inisiatif Bantuan Kerosakan Harta Benda dan Tanaman (BKHT) terus membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat konflik dengan hidupan liar bagi memastikan kesejahteraan komuniti terjamin. Pada tahun 2024, sebanyak RM978 ribu jumlah bantuan

diluluskan bagi 248 kumpulan sasar, manakala pada tahun 2025 sejumlah RM1.5 jumlah bantuan diluluskan bagi 314 kumpulan sasar. Ini membuktikan bahawa pihak Kementerian amat serius di dalam menangani isu konflik manusia-hidupan liar demi kesejahteraan rakyat.

KPI UTAMA 100 HARI

Sidang Hadirin yang dimulikan,

16. Bagi memastikan gerak kerja kita selari dengan aspirasi tersebut, saya telah menetapkan 10 KPI Utama 100 Hari yang perlu kita capai dalam tempoh sehingga 26 Mac 2026. KPI ini bukan sekadar angka di atas kertas, tetapi adalah aku janji keramat kita kepada negara.
17. Agenda perubahan iklim adalah "survival" negara. Kita tidak boleh berlengah. Oleh itu, KPI Pertama kita adalah memastikan kerangka perundangan berkaitan perubahan iklim yang kukuh. Kita mulakan dengan pengenalan Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 sebagai kerangka utama untuk menggantikan dasar lama (tahun 2009) bagi memacu Malaysia ke arah negara Sifar Bersih (Net Zero) menjelang 2050.
18. Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 (DPIN 2.0) telah dilancarkan secara rasmi pada 30 September 2024 bagi "mengarusperdanakan" (mainstreaming) isu iklim secara lebih menyeluruh selaras dengan perubahan yang berlaku termasuk :

- Peralihan kepada Tindakan: Kita sudah melepasi fasa kesedaran; kini fasa pelaksanaan (implementation).
- Kecemasan Iklim: Peningkatan kejadian banjir besar dan cuaca ekstrem di Malaysia memerlukan strategi adaptasi yang lebih agresif.
- Standard Global: Mematuhi piawaian antarabangsa seperti mekanisme pasaran karbon (Artikel 6 Perjanjian Paris) dan pelaporan ESG (Environmental, Social, and Governance).

19. Fokus utama DPIN 2.0 adalah serampang dua mata:

(i) Mitigasi (Pengurangan): Mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) secara drastik untuk mencapai sasaran Net Zero seawal 2050; dan

(ii) Adaptasi (Penyesuaian): Memastikan infrastruktur, pertanian, dan rakyat Malaysia bersedia menghadapi bencana iklim yang tidak dapat dielakkan (cth: kenaikan paras laut, banjir kilat, gelombang haba).

20. Satu sejarah negara bakal tercipta apabila pada Mac 2026, NRES membentangkan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) dan RUU Pihak Berkuasa Perubahan Iklim Negara (RUUIKLIM) untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat. Pengenalan kedua-dua perundangan ini menzahirkan komitmen jitu Malaysia sebagai party kepada UNFCCC dalam mendepani cabaran perubahan iklim. Selain itu, ia menyokong langkah langkah pengurangan intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) merentasi ekonomi sebanyak 45% berdasarkan KDNK pada tahun 2030 bagi menyokong aspirasi negara untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih pada tahun 2050.

21. KPI Kedua pula berkaitan penggubalan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) bagi pelaksanaan mekanisme perdagangan karbon terutamanya di bawah Artikel 6 Perjanjian Paris. Di bawah DPKK, satu mekanisme jelas dibangunkan bagi memangkin penglibatan sektor swasta serta perbankan dalam pasaran karbon melalui pembentukan ekosistem penjualan kredit karbon di pasaran dan pematuhan antarabangsa. DPKK turut menyokong pembiayaan inisiatif rendah karbon merentas sektor serta menyokong dan memangkin tindakan Iklim di bawah dasar sektoral sedia ada yang digubal oleh pelbagai Kementerian lain.

22. Selaras dengan semangat Persekutuan dan keadilan wilayah, NRES komited merealisasikan Perjanjian Malaysia 1963 atau MA63. Dalam hal ini, KPI Ketiga memfokus kepada komitmen NRES dalam usaha menyerahkan kuasa kawal selia bahan terjadual di bawah Fasal 95C Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak. Dalam konteks ini, Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 akan dibuat dengan sasaran pembentangan di Parlimen pada Mac 2026.

23. Pelaksanaan program Low Carbon City 2030 Challenge merupakan KPI Keempat saya. Program ini memainkan peranan penting dalam memacu transformasi bandar ke arah bandar rendah karbon, seterusnya menyumbang kepada komitmen negara untuk mengurangkan pelepasan GHG sebanyak 45% pada tahun 2030. Program ini bertujuan menggalakkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengurangkan pelepasan karbon di bawah lima sektor utama iaitu tenaga, pengangkutan, sisa, air dan kehijauan. Sasaran menjelang tahun 2030 adalah sebanyak 200 Zon Rendah

Karbon dan 1,000 Rakan Kongsi Rendah Karbon. Dari tahun 2020 sehingga 2024, sebanyak 67 PBT telah menyertai LCC2030C, manakala jumlah pengurangan karbon tan CO₂eq, meningkat daripada 51,569.61 tan CO₂eq pada tahun 2020 kepada 465,000.02 tan CO₂eq pada tahun 2024.

24. KPI Kelima dipilih bagi menangani isu pencemaran plastik, di mana kita akan melancarkan Kempen Hindari Plastik Sekali Guna dengan tagline "Bebas Plastik, Selamat Bumi" di seluruh negara. Sasaran utama kita adalah peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kesan negatif penggunaan plastik sekali guna kepada alam sekitar. (masukkan.beberapa kesan negatif). Malah kempen ini juga selari dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) Kerajaan MADANI. Melalui kempen ini, kita ingin menerapkan amalan "Bawa Beg Sendiri" (bring your own) dalam kalangan masyarakat dan komuniti perniagaan sebagai satu amalan hidup. Ianya akan dijayakan melalui usaha kolaboratif bersama semua kerajaan negeri, PBT, pemimpin masyarakat, pihak korporat dan sebagainya dalam dalam pengurusan sisa plastik secara lebih terurus dan menyeluruh.

Warga NRES sekalian,

25. Bagi memperkasa kerajaan negeri melindungi hutan, saya telah menetapkan Insentif Kewangan Kepada Kerajaan Negeri bagi Pemeliharaan Biodiversiti dan Hutan sebagai KPI Keenam. Kementerian akan mengambil langkah yang proaktif ke arah meningkatkan perlindungan dan pemuliharaan kawasan perlindungan negara serta memastikan pengurusan kawasan

perlindungan sedia ada yang lebih cekap dan berkesan serta berterusan. Ini menunjukkan komitmen serius Kerajaan Persekutuan untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan serta mengekalkan sumber biodiversiti negara demi generasi akan datang.

26. Kementerian menyasarkan penyaluran pertama peruntukan EFT tahun 2026 berjumlah RM100 juta kepada kerajaan negeri sebelum akhir Januari 2026 dan penyaluran kedua ke atas baki peruntukan berjumlah RM100 pada April 2026. Peruntukan EFT bertujuan untuk meningkatkan keluasan kawasan perlindungan yang baharu seperti yang disasarkan di Bawah Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030.

27. Sehingga tahun 2025, kira-kira 350,000 hektar kawasan perlindungan baharu telah berjaya diwartakan di negeri. Selain itu, Peruntukan EFT juga menyumbang kepada pengiktirafan kawasan berkepentingan biodiversiti kebangsaan antaranya melalui:

- (i) pengiktirafan Landskap Kinabatangan sebagai tapak Man and the Biosphere di Bawah UNESCO;
- (ii) pengiktirafan Rizab Hidupan Liar Tengku Hassanal, Taman Negara Bako dan Taman Negara Bukit Lambir sebagai tapak warisan ASEAN (ASEAN Heritage Park); dan
- (iii) pengiktirafan Lenggong Geopark sebagai UNESCO Global Geopark.

28. Selain itu, peruntukan EFT membantu kerajaan negeri meningkatkan perlindungan sumber biodiversiti melalui aktiviti penguatkuasaan serta penglibatan komuniti dan masyarakat setempat. Kementerian akan terus memastikan penyaluran kepada negeri memberi manfaat serta impak selaras dengan matlamat dan sasaran Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030.
29. Bagi tahun 2026, Kerajaan Persekutuan telah menetapkan peruntukan khusus untuk perlindungan khazanah alam seperti berikut :
- (i) Dana EFT (Ecological Fiscal Transfer): Sebanyak RM250 juta diperuntukkan (meningkat daripada RM200 juta pada tahun-tahun sebelumnya). Daripada jumlah tersebut, RM50 juta akan disalurkan terus sebagai hasil kepada kerajaan negeri bagi menghargai usaha mereka mengekalkan kawasan hutan simpan.
 - (ii) Sebanyak RM80 juta disediakan untuk membiayai 2,500 renjer komuniti (terdiri daripada Orang Asli dan veteran ATM/PDRM) bagi memantau pencerobohan hutan dan pemburuan haram.
30. Melalui KPI Keenam ini, NRES mensasarkan beberapa impak utama menjelang akhir 2026:
- Memastikan komitmen Malaysia di peringkat global untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan kekal tercapai (setakat ini sekitar 54%).

- Memberi galakan kepada negeri-negeri untuk mewartakan lebih banyak kawasan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) dan kawasan perlindungan sepenuhnya melalui insentif berasaskan prestasi (performance-based).
- Pengurangan drastik dalam kes pemburuan haram melibatkan spesies ikonik seperti Harimau Malaya, Orang Utan, dan Banteng melalui pengukuhan kawalan renjer.
- Memastikan kelestarian bekalan air bersih untuk rakyat dengan melindungi kawasan tadahan air di peringkat negeri daripada aktiviti pembalakan atau pembangunan tidak mampan.
- Mendorong semua negeri untuk menerima pakai Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 yang mengenakan hukuman lebih berat terhadap pencerobohan hutan.

31. Perlindungan tanpa penguatkuasaan adalah sia-sia. Justeru, KPI Ketujuh yang ditetapkan adalah pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) di bawah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3). OBK merupakan satu operasi penguatkuasaan di bawah BP3 yang melibatkan kerjasama strategik antara Jabatan PERHILITAN dengan Pasukan Gerakan Am (PGA) di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri, Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPk) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Pelaksanaan OBK di Sabah dan Sarawak adalah melibatkan Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS) dan Sarawak Forestry Corporation (SFC).

32. Kementerian akan memperhebatkan operasi penguatkuasaan dan serbuan di kawasan hotspot. Menjelang Mac 2026, kita mesti melaksanakan sekurang-kurangnya 3 OBK untuk memburu pemburu haram dan penceroboh khazanah negara, selaras dengan tindakan strategik konservasi Harimau Malaya yang telah diluluskan Jemaah Menteri pada 16 Jun 2021. Ini bagi memastikan kelestarian khazanah biodiversiti negara dapat dikekalkan.
33. Outcome bagi pelaksanaan OBK adalah untuk meningkatkan rondaan penguatkuasaan dan pengawalan (boots on the ground) berasaskan strategi sifar pemburuan haram di habitat utama hidupan liar terancam merangkumi kawasan Hutan Simpanan Kekal dan kawasan perlindungan. Pelaksanaan OBK juga akan membanteras aktiviti penyeludupan haram, pencerobohan tanah, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar. Jumlah peruntukan bagi pelaksanaan OBK yang turut merangkumi pelantikan seramai 2,500 Renjer Komuniti di bawah BP3 adalah sebanyak RM80.8 juta untuk tahun 2026.
34. NRES melaksanakan penambahbaikan berterusan termasuk inisiatif pendigitalan dalam pengurusan tanah negara. Dalam konteks ini, KPI Kelapan meletakkan pelaksanaan Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta untuk diperluaskan ke semua negeri di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2030. Kita menjangkakan tandatangan perjanjian konsesi bagi pelaksanaan Sistem e-Tanah di Negeri Pahang dapat dimuktamadkan menjelang Mac 2026. Sistem ini memungkin urusan pentadbiran tanah dapat dilaksanakan dengan lebih pantas dan efisien. Sekurang-kurangnya 10% urusan dalam

pentadbiran tanah akan dapat dilaksanakan secara sepenuhnya dalam talian dan selebihnya secara separa talian (tertakluk kepada perundangan berkuatkuasa). Antara urusan yang boleh dilaksanakan termasuk urusan permohonan sijil carian rasmi dan carian persendirian, permohonan kebenaran (consent) dan urusan bayaran cukai tanah.

35. KPI Kesembilan mensasarkan penyerahan 4 lot tanah milik Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Sebagai timbal balas, Kerajaan Negeri Sabah akan membayar kembali kos-kos perolehan tanah yang pernah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.

36. KPI Kesepuluh kita ialah Inisiatif Skim Strata Khas MADANI bagi penyelesaian isu skim perumahan berstrata di bawah klasifikasi bangunan khas yang belum mempunyai hakmilik strata. Inisiatif ini adalah ekoran kekangan peruntukan di bawah Kumpulan Wang Amanah Tabung Khas Hakmilik Strata di mana keadaan ini menyukarkan pelaksanaan skim. Dengan kelulusan dana di bawah Inisiatif Skim Strata Khas Madani iaitu penyaluran sebanyak RM2,000,000, maka skim ini dapat diteruskan pada tahun 2026. Pelaksanaan Program Skim Strata Khas MADANI memfokuskan kepada skim bangunan lama atau bangunan khas yang bermaksud mana-mana bangunan yang diduduki sebelum Jun 1996 atau mana-mana bangunan yang diduduki dari Jun 1996 hingga 11 April 2007 berdasarkan klasifikasi oleh Pihak Berkuasa Negeri, bangunan kediaman kos rendah, skim yang gagal memohon pecah bahagi bangunan atau tanah atas sebab masalah kewangan tetapi tidak mempunyai isu tanah dan badan

pengurusan bersama (Joint Management Body - JMB) iaitu pembeli-pembeli petak memberi komitmen untuk mendapatkan hakmilik strata dalam tempoh masa ditetapkan.

37. Program ini menyasarkan skim kediaman yang dimiliki oleh pembeli dari kalangan golongan B40. Ia merupakan satu langkah "intervensi drastik" oleh kerajaan untuk membela nasib pemilik rumah yang "tergantung" tanpa geran. Mengapa KPI ini sangat penting dalam agenda MADANI? Ini kerana ia menyasarkan golongan B40. Tanpa hak milik strata (geran), pemilik rumah kos rendah tidak boleh menjual rumah mereka pada harga pasaran, tidak boleh membuat pindah milik kepada waris dengan mudah, dan sukar untuk mendapatkan pembiayaan semula (refinancing). Skim ini bertujuan memberi nilai ekonomi semula kepada aset yang dimiliki oleh rakyat.

38. 10 KPI dalam 100 hari satu cabaran yang besar. Saya ingin mengajak semua warga NRES untuk bersama saya dalam kita memastikan apa yang dijanji dikotakan.

4 FOKUS UTAMA 2026

39. Selaras dengan hasrat tersebut, saya menggariskan empat (4) fokus utama iaitu:

- i. Pertama, Pengurusan Sumber Asli secara Mampan,
- ii. Kedua, Pemuliharaan Biodiversiti dan Pengurusan Hutan,
- iii. Ketiga, Kelestarian Alam Sekitar dan Kawalan Pencemaran; dan
- iv. Keempat, Mitigasi dan Adaptasi Perubahan Iklim

40. Seperti penekanan YAB Perdana Menteri terhadap tatakelola, kita mesti memastikan setiap inci sumber asli negara diurus dengan ketelusan mutlak agar hasilnya kembali kepada rakyat, bukan kepada pihak-pihak berkepentingan bagi mengaut keuntungan.

41. YAB Perdana Menteri turut menyebut tentang "Lonjakan Ekonomi Hijau". Tahun 2026 mesti menyaksikan peningkatan drastik dalam sumbangan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan pelaksanaan pasaran karbon yang lebih rancak. Berikut adalah kaitan langsung NRES dengan Lonjakan Ekonomi Hijau bagi tahun 2026:

(i) Pelaksanaan Cukai Karbon

Di peringkat domestik, Kerajaan akan memperkenalkan Cukai Karbon ke atas sektor tenaga dan besi serta keluli pada tahun 2026. Matlamat cukai ini adalah untuk menggalakkan penggunaan teknologi rendah karbon. Hasil daripada cukai ini akan digunakan untuk membiayai program penyelidikan serta pembangunan hijau dan teknologi rendah karbon. Pengenalan cukai ini juga adalah seiring dengan langkah antarabangsa termasuk mekanisme pelarasan sempadan karbon (Carbon Border Adjustment Mechanism - CBAM) yang diperkenalkan oleh Kesatuan Eropah.

(ii) Pelan Hala Tuju Ekonomi Kitaran (Circular Economy)

NRES menerajui peralihan daripada ekonomi "ambil-guna-buang" kepada kitaran semula. Di bawah konsep Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR), NRES menggubal dasar yang mewajibkan pengeluar bertanggungjawab ke atas kitaran hayat produk mereka, terutamanya plastik dan sisa elektronik (e-waste).

Di samping itu, Sisa Sebagai Sumber, iaitu menukarkan sisa terjadual atau sisa pepejal menjadi sumber tenaga (Waste-to-Energy) atau bahan mentah sekunder boleh menjana pendapatan negara.

(iii) Dana Pemulihan dan Penjagaan Hutan (EFT)

Di bawah Ecological Fiscal Transfer (EFT), NRES menguruskan dana yang diagihkan kepada kerajaan negeri sebagai ganjaran kerana mengekalkan hutan simpan. Dengan mengekalkan biodiversiti, NRES menyediakan aset untuk ekonomi ekopelancongan yang berkualiti tinggi (High-Value Tourism), yang menjadi penyumbang besar kepada KDNK hijau.

(iv) Pelaburan Hijau (Green FDI)

NRES bertindak sebagai penilai impak alam sekitar (EIA) yang pantas dan efisien bagi pelabur asing yang ingin membina kilang berteknologi hijau di Malaysia. Sijil MyHIJAU juga mengiktiraf produk dan perkhidmatan hijau yang dapat memberi pelepasan cukai kepada industri.

42. Selain itu, di bawah NRES, sistem amaran awal akan diperkasakan secara besar-besaran bagi tahun 2026 melalui integrasi teknologi tinggi dan peruntukan bajet yang signifikan. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM210 juta khusus untuk membangunkan Sistem Amaran Awal (EWS) bagi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana dan krisis. Ini adalah bagi mengurangkan risiko kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda melalui penyampaian maklumat yang lebih pantas kepada penduduk di kawasan berisiko.
43. MetMalaysia kini berupaya mengeluarkan amaran hujan berterusan (peringkat Waspada, Buruk, dan Bahaya) sekurang-kurangnya 3 hari sebelum kejadian berlaku bagi membolehkan agensi penyelamat dan rakyat bersedia. Setakat tahun 2026, sistem amaran awal telah dipasang di 40 lokasi kritikal seluruh negara (termasuk lokasi baharu di Sarawak seperti Kuching, Bau, dan Kapit) di bawah Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh yang dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).
44. Setakat tahun 2026, sebanyak 47 lokasi kritikal di seluruh negara telah dipasang dengan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (EWS) di bawah tanggungjawab JMG. Daripada jumlah ini, 34 lokasi melibatkan cerun kritikal manakala 13 lokasi melibatkan ancaman aliran puing (debris flow) di kawasan berisiko tinggi.
45. Bagi ancaman aliran puing, projek perintis Sistem Amaran Awal yang telah dilaksanakan di Jerai Geopark, Kedah kini sedang diperluaskan ke kawasan berisiko tinggi lain, termasuk Gunung

Kinabalu di Sabah, selaras dengan peningkatan risiko kejadian bencana berkaitan hujan lebat dan perubahan iklim.

46. Dalam usaha memperkukuh sistem amaran dan kesiapsiagaan gempa bumi negara, JMG turut bekerjasama rapat dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) serta Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi perkongsian data geosains, seismik dan geospasial secara bersepadu. Kerjasama strategik ini bertujuan memastikan maklumat amaran awal dapat disalurkan dengan pantas dan tepat kepada Pusat Bencana Negara (PBN) dan NADMA, seterusnya menyokong pengurusan bencana yang lebih berkesan demi keselamatan rakyat dan kesejahteraan negara.
47. NRES melalui JAS (Jabatan Alam Sekitar) juga akan meningkatkan penggunaan dron berteknologi tinggi untuk memantau kawasan hutan dan industri bagi mengesan punca pencemaran atau kebakaran terbuka sebelum ia merebak menjadi kerosakan alam sekitar yang besar.

PENUTUP DAN HARAPAN

Hadirin sekalian,

48. Saya amat yakin dan percaya bahawa Kementerian dengan kerjasama Jabatan dan Agensi akan memastikan kejayaan yang optimum untuk mengorak langkah dengan lebih jauh. Ini merupakan langkah pertama kita dalam merealisasikan hasrat Kementerian pada tahun 2026 serta tahun-tahun yang mendatang.

49. YAB Perdana Menteri telah mengingatkan: "Bila harus kita ambil langkah yang tegas? Semasa kita berkuasa. Semasa saudara jadi Ketua Jabatan...". Maka, gunakanlah kuasa dan amanah yang ada pada hari ini untuk melakukan islah iaitu pembaikan. Saya menyeru seluruh warga kementerian untuk menggenggam erat 10 KPI ini bukan sebagai beban, tetapi sebagai amanah yang mesti dilunaskan. Marilah kita bekerja sebagai satu pasukan yang kukuh, mengetepikan segala perbezaan, demi membina Malaysia yang mampan, makmur, dan MADANI.
50. Sebagai akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat memberikan sokongan penuh bagi memenuhi sasaran-sasaran ini. Sekalung tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada warga Kementerian, Jabatan dan juga agensi di atas komitmen yang diberikan. Semoga dengan usaha dan sinergi ini, kita akan dapat sama-sama memastikan NRES mencapai objektif yang dihasratkan.
51. Mari kita jadikan 2026 sebagai tahun lonjakan NRES. Saya menyeru kepada seluruh warga NRES, marilah kita bekerja bukan sekadar sebagai penjawat awam, tetapi sebagai pejuang alam. Jadikan tahun 2026 ini tahun di mana nama NRES disebut-sebut sebagai peneraju utama perubahan iklim dan kelestarian di rantau ini. Sama-sama kita gandingkan bahu, bulatkan tekad. Demi nusa, demi alam, demi masa depan.

52. Saya sudahi ucapan saya dengan dua rangkap pantun :

Titik noktah bukan penamat,
Langkah bermula usai bicara,
Amanat diterjemah penuh hikmat,
Dalam tindakan dan budaya kerja.

Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan,
Tahun baharu tekad dipasak,
Moga tercapai segala tujuan.

Selamat Tahun Baru 2026.

Sekian. Terima kasih.